

JULAI
2020

Repirasi Kewarganegaraan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknp.gov.my

YAM TENGKU MUDA PAHANG BERKENAN BERANGKAT MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT AHLI LEMBAGA PENGARAH TGA SOLUTIONS SDN. BHD.



YAM Tengku Muda Pahang , Tengku Abdul Rahman Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan mempengerusikan mesyuarat

Bentong, 3 Julai - Y.A.M Tengku Abdul Rahman Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan berangkat mempengerusikan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah TGA Solutions Sdn. Bhd. bertempat di Awana Genting Highlands Golf & Country Resort, Bentong, Pahang baru-baru ini.

Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk membincangkan perkembangan terkini pembangunan projek Tanjung Agas Maritime Park(TAMP), Pekan, Pahang Darul Makmur.

Hadir bersama Ketua Pegawai Eksekutif PKNP , Encik Mohd Faizal bin Jaafar. Selain itu Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, YB Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak selaku Ahli Lembaga Pengarah syarikat TGAS turut hadir.

KUNJUNGAN HORMAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KEPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA



"Tanda ingatan" - Encik Mohd Faizal menyampaikan cenderamata kepada Y.Bhg Datuk Isham Ishak

Putrajaya, 3 Julai - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Y.Bhg Datuk Isham Ishak di pejabat beliau baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif TGA Solutions Sdn. Bhd. (TGA) Dato' Haji Amiruddin Mohd Said, Pengurus Perindustrian,Tuan Haji Md. Daud Abdul Rahman, Pengurus Teknik, Tuan Haji Mohd Hasrizal Hasim serta pegawai-pegawai kanan PKNP dan TGA.

KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KE PELABUHAN TANJUNG LANGSAT OLEH PKNP

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar telah menyertai kunjungan hormat dan lawatan ke Pelabuhan Tanjung Langsat, Johor.

Lawatan ini bertujuan meninjau pelaksanaan Johor Corporation dalam membangunkan Tanjung Langsat Industrial Complex untuk dijadikan 'benchmark' yang akan diterimapakai bagi pembangunan dengan konsep yang sama di Negeri Pahang.

Turut hadir adalah wakil Pejabat Setiausaha Negeri Pahang (PSUK), Ketua Pegawai Eksekutif TGA Solutions Sdn Bhd serta pengurus - pengurus dan pegawai PKNP.



Pihak JCOP menerima cenderahati dari Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

PKNP TERUS MENJADI PILIHAN PELABUR DAN BAKAL PELABUR TINJAU PELUANG PELABURAN BAHRU DI NEGERI PAHANG

Kuantan, 7 Julai - PKNP terus menjadi pilihan pelabur dan bakal pelabur untuk meninjau peluang-peluang pelaburan dalam sektor perkilangan di negeri ini walaupun masih berdepan dengan ancaman wabak pandemik Covid - 19.



Pengurus Perindustrian bergambar bersama wakil Pronex Realty Sdn. Bhd.

Terbaru, Bahagian Perindustrian PKNP telah menerima kunjungan pelabur dan bakal pelabur yang berminat untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan potensi pelaburan di kawasan-kawasan perindustrian PKNP di negeri Pahang. Antara perbincangan yang telah diatur ialah seperti berikut:

- a. Perbincangan dengan CS Winds Malaysia sdn. Bhd. yang kini beroperasi di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan bagi cadangan pembesaran perniagaan dalam bidang off shore and oil & gas.
- b. Perbincangan dengan Pronex Realty Sdn. Bhd. bagi cadangan mewujudkan saluran promosi bagi kawasan-kawasan perindustrian yang berdasarkan oil and gas bagi pasaran antarabangsa.
- c. Mesyuarat bersama The Razeedland, syarikat yang berpangkalan di Brunei Darul Salam yang berhasrat untuk membangunkan LNP and Storage Tank, Energy Power Plant dan Coal Warehouse di Tanjung Agas Maritime Park (TAMP), Pekan.



The Razeedland syarikat dari Brunei Darul Salam



CS Winds Malaysia Sdn. Bhd.

PKNP ATUR MESYUARAT PENYELARASAN BERSAMA SINOHYDRO CORPORATION SDN. BHD.



Ketua Pegawai Eksekutif bergambar bersama wakil Sinohydro Corporation Sdn. Bhd.

Kuantan, 10 Julai - PKNP melalui Bahagian Perindustrian PKNP telah mengadakan mesyuarat bersama Sinohydro Corporation Sdn. Bhd. bagi membincangkan terma dan syarat Cadangan Pembangunan Projek Pahang Renewal Energy Research Industrial Park di kawasan Perindustrian Kechau Tui, Mukim Gua dan Telang, Lipis Pahang Darul Makmur.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar. Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun , Pengurus - Pengurus Bahagian/Unit terlibat.

PKNP TERIMA KUNJUNGAN CHINA COMMUNICATION CONSTRUCTION COMPANY (CCCC)

- Minat Jalin Kerjasama Dengan PKNP Untuk Pembangunan di TAMP

Kuantan, 15 Julai - Chinese Communication Construction Company (CCCC) salah sebuah syarikat kontraktor utama negara China yang telah membangunkan beberapa projek mega di Malaysia telah menunjukkan minat menjalankan usahasama dengan PKNP bagi membangunkan projek Tanjung Agas Maritime Park (TAMP).

Sesi perbincangan di antara pihak PKNP, TGA Solutions Sdn. Bhd. Dan CCCC telah berlangsung di pejabat TGA baru-baru. Pihak PKNP dimaklumkan bahawa pada masa ini pihak CCCC sedang mengumpulkan maklumat bagi tujuan penyediaan business model yang bersesuaian bagi tujuan tersebut.



Perbincangan PKNP, TGA Solutions Sdn. Bhd. dengan CCCC

MASJID AL-AZIM FELDA BUKIT KUANTAN SIAP DIBINA

- Pengiktirafan Kepada PKNP Sebagai Agensi Pelaksana



Wakil Pengarah SDO menyerahkan kepada wakil PAID sambil disaksikan YB ADN Sungai Lembing, Dato' Haji Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah dan Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun

Kuantan, 29 Julai - Masyarakat di kawasan Felda Bukit Kuantan kini boleh menarik nafas lega kerana dapat menunaikan solat jumaat dan solat Hari Raya Aidil Adha pada tahun ini apabila pembinaan Masjid Al-Azim Felda Bukit Kuantan telah siap sepenuhnya pada 14 Julai 2020 yang lalu.

Baru-baru ini telah berlangsung Majlis Penyerahan Kunci Masjid Al-Azim Felda Bukit Kuantan di mana wakil Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP telah

menyerahkan replika kunci dan sijil pengesahan arah kiblat masjid kepada wakil Pengarah Pembangunan Negeri Pahang kemudian diserahkan kepada wakil Pegawai Agama Islam Daerah Kuantan dan seterusnya kepada Pengurus Jawatankuasa Masjid Al-Azim Felda Bukit Kuantan.

Majlis ini turut disaksikan YB Ahli Dewan Negeri Sungai Lembing, Dato' Haji Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah, para pegawai PKNP serta ahli-ahli jawatankuasa Masjid Al-Azim.

Sepantas lalu, kerja-kerja pembinaan masjid baharu ini telah dimulakan pada 18 Julai 2017 dengan kos sebanyak RM2.95 juta dan mampu menampung kapasiti seramai 1,000 jemaah pada satu-satu masa. Projek ini adalah salah satu projek Pejabat Pembangunan Negeri Pahang (SDO) di mana PKNP adalah agensi pelaksana yang dilantik untuk menyelaras kerja-kerja pembinaannya. Pembiayaan projek ini adalah melalui dana kerajaan persekutuan iaitu di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri.

Pelantikan PKNP sebagai agensi pelaksana projek ini adalah merupakan satu pengiktirafan dan kepercayaan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan. Syabas dan tahniah kepada PKNP.

TERIMA KASIH ATAS KHIDMAT BAKTI YANG DICURAHKAN

- Ketua Pegawai Eksekutif



Penerima APC 2019 bergambar bersama Ketua Pegawai Eksekutif

Kuantan, 27 Julai - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar merakamkan ucapan terima kasih kepada para pesara PKNP di atas khidmat bakti yang telah dicurahkan di sepanjang perkhidmatan mereka di PKNP.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap di Majlis Persaraan dan Penghargaan Anggota Pekerja PKNP yang telah berlangsung di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan baru-baru ini.

"Saya mendoakan semua anggota pekerja PKNP yang bersara dikurniakan kesihatan yang berpanjangan serta dapat meluangkan masa untuk bersama keluarga", tambah beliau lagi.

Beliau turut menasihatkan semua anggota pekerja PKNP meneruskan amalan baru pasca Covid-19 serta

sentiasa memastikan prosedur standard operasi (SOP) dipatuhi terutamanya dalam penganjuran program seumpama ini.

Di majlis tersebut seramai tiga orang anggota pekerja PKNP telah bersara paksa iaitu Encik Md. Yusoff bin Talib, Encik Abdul Nasir bin Abdul Manan dan Hajah Mazilah binti Mansor.



Antara pesara PKNP yang hadir

Manakala dua orang bersara secara pilihan pula ialah Tuan Haji Ahmad Ghulamuddin bin Abd Ghani dan Hajah Hanisam binti Mohd Salleh.

PKNP juga turut meraikan ialah penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PKNP 2019, Ahli-Ahli Majlis Bersama Jabatan Sesi 2018 -2020 dan Sesi 2020 - 2022, Perkhidmatan 25 Tahun PKNP serta Anugerah Kecemerlangan Pelajaran Anak-Anak Anggota Pekerja PKNP 2019.

PKNP ANJUR PROGRAM TINDAKAN DAN HALA TUJU PERNIAGAAN PASCA COVID - 19.

Kuantan, 23 Julai - PKNP melalui Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan telah menganjurkan Program Tindakan dan Hala Tuju Perniagaan Pasca Covid-19 yang telah berlangsung di Kompleks Dagangan Mahkota baru-baru ini.

Program yang padat dengan input dan perkongsian telah dihadiri seramai 30 orang peserta dalam pelbagai bidang perniagaan dari beberapa daerah di Negeri Pahang.



Sesi motivasi dan perkongsian bersama Encik Nasry Kassim

Pada sebelah paginya sesi motivasi dan perbincangan bersama usahawan-usahawan untuk perancangan mereka menghadapi bencana pada masa hadapan seperti virus Covid-19 bersama dengan Encik Nasry bin Kassim, Pengurus Pembangunan Komuniti & Keusahawanan.

Manakala pada sebelah petang pula telah berlangsung bersama SME Corp. Negeri Pahang yang diwakili Encik Wan Mohd Tarmizi Wan Jusoh, Penolong Pengarah SME Corp turut bersama berkongsi maklumat mengenai geran-geran serta bantuan yang disediakan untuk usahawan bumiputera khususnya.

EMPAT PEGAWAI LANTIKAN BAHRU PKNP MELAFAZKAN IKRAR AKUR JANJI

Empat pegawai lantikan baharu PKNP melafazkan ikrar Akur Janji pada satu majlis ringkas semalam. Pegawai berkenaan adalah Encik Wan Muhammad Hanif bin Wan Abd Hamid dari Bahagian Perindustrian, Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani dari Bahagian Hal Ehwal Korporat, Cik Nur Amalina Shamsul Anuar dari Bahagian Kewangan dan Cik Majdah Mohd Yusof dari Bahagian Khidmat Perundangan. Lantikan baharu ini adalah untuk memperkuatkan lagi barisan kepimpinan PKNP sedia ada dan mereka akan menjadi generasi pelapis legasi kecemerlangan PKNP di masa depan.

Majlis ini dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, En Mohd Faizal bin Jaafar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun, Setiausaha Perbadanan PKNP, Datin Hajah Noraskin Jamaludin dan Pengurus - Pengurus Bahagian dan Unit.



Pegawai - Pegawai lantikan baharu menurunkan tanda tangan sempena ikrar Akur Janji

Firman Allah S.W.T : Daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahanannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No : 5641, Muslim, No : 2573, at-Tirmizi, No : 966, Ahmad, No : 7684, 8070, 10714)

WORKING DINNER MIDA PAHANG DENGAN PKNP



Erat terjalin...Pihak PKNP dan MIDA bergambar bersama

Kuantan, 13 Julai - Pihak MIDA Pahang telah mengambil insitif menganjurkan program working dinner di mana PKNP melalui Bahagian Perindustrian turut dijemput hadir baru-baru ini.

Menurut Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md. Daud bin Abdul Rahman, dalam perbincangan tersebut pihak MIDA ingin mendapatkan maklumat mengenai status terkini perkembangan sektor perkilangan di negeri Pahang termasuklah pemberian insentif yang ditawarkan kepada para pelabur di negeri ini.

Di samping itu juga, beliau juga turut menjelaskan peranan PKNP sebagai Agensi Hentian Setempat(OSA) Sektor Perkilangan di negeri Pahang kepada pihak MIDA.

Program ini dihadiri oleh Pengarah Eksekutif Pembangunan Perkilangan (Sumber) MIDA, Encik Mohamad Ismail bin Abu Bakar, Pengarah MIDA Pahang, Cik Noraishah binti Nordin, pegawai MIDA serta pegawai Bahagian Perindustrian PKNP.

Sidang Redaksi

Penaung / Penasihat
Encik Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Penyelaras Penerbitan
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

Ketua Editor
Puan Mazilah binti Mansor

Pengarang
Puan Suhaili binti Mohd Kenali
Puan Faridah binti Mohd Yusoff
Encik Ahmad Nur Azrul Bin Che Rezali
Puan Fadila binti Abdul Khalid
Puan Che Nor Shamsina binti Che Yahya
Puan Shasiela binti Zulkifli

Grafik
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli
Encik Mohd Firdaus bin Abdul Hamid

Jurufoto
Encik Saiful Azli bin Yahia
Encik Iskandar bin Abdul Samad